

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HSC 224 – Sejarah Asia Timur

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. **SATU** soalan mestilah dijawab daripada Bahagian A dan **DUA** soalan mestilah dijawab daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. "Oleh kerana Jepun banyak menerima pengaruh daripada China, sifat dan sejarah feudalisme di Jepun tidak banyak berbeza daripada sifat dan sejarah feudalisme di China". Bahaskan.
2. Sejauh manakah pensejarahan tradisional Jepun berbeza daripada pensejarahan tradisional China?

Bahagian B

3. "Zaman Ch'un Ch'iu dan Chan Kuo (722 SM – 221 SM) dan zaman antara Wangsa Han dan Wangsa Sui (220 M – 589 M) adalah zaman perpecahan politik dan keruntuhan tamadun di China. Tiada perkembangan positif berlaku di China dalam kedua-dua tempoh itu". Ulaskan.
4. "T'ang (618 M – 906 M) pada asasnya adalah Han (203 SM – 220 M) yang muncul semula dalam zaman yang berlainan. China pada zaman T'ang tidak banyak berbeza daripada China pada zaman Han". Bincangkan.
5. "Orang bukan Cina dipandang rendah oleh orang Cina; mereka sentiasa dikuasai orang Cina dan tidak banyak mempengaruhi perkembangan sejarah negara China". Nilai pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan sehingga awal kurun ke-18 Masihi.
6. Daripada segi kepimpinan politik dan budaya, sejauh manakah Jepun pada zaman Kamakura dan Ashikaga berbeza daripada Jepun pada zaman sebelumnya?